


<b>Headline</b>	Taman ajaib `Gunung Ledang` tarikan Tangkak		
<b>MediaTitle</b>	Utusan Malaysia		
<b>Date</b>	20 Sep 2018	<b>Color</b>	Full Color
<b>Section</b>	Mega	<b>Circulation</b>	112,050
<b>Page No</b>	30,31	<b>Readership</b>	336,150
<b>Language</b>	Malay	<b>ArticleSize</b>	1048 cm <sup>2</sup>
<b>Journalist</b>	LAUPA JUNUS	<b>AdValue</b>	RM 20,713
<b>Frequency</b>	Daily	<b>PR Value</b>	RM 62,139



# Taman ajaib 'Gunung Ledang' tarikan Tangkak



ZULKIFLI SABREE



HANAFI LAZIM

**M**EMBANGUNKAN kawasan taman bunga dengan elemen yang menarik memang biasa dilakukan oleh pihak berwajib dan orang perseorangan. Biasanya taman bunga ini dipenuhi dengan bunga-bungaan berwarna warni, pelbagai spesies dan struktur yang menarik dengan konsep tertentu.

Namun mereka yang pernah melalui bandar Tangkak, Johor, mungkin tertarik dengan sebuah taman yang terletak di bandar tersebut kerana keunikannya. Sesuai dengan nama taman ajaib, taman berkenaan boleh menjadi daya tarikan baharu ke bandar berkenaan.

Pembinaan taman tersebut sebenarnya mendapat inspirasi daripada kisah peminangan Puteri Gunung Ledang memerlukan tujuh hari nyamuk dan sebagainya.

Justeru dengan kos RM100,000, taman tersebut dibina dalam tempoh enam minggu dengan bantuan dan kerjasama dari Institut

Oleh LAUPA JUNUS  
laupajunus@hotmail.com



Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Kawasan tersebut pada asalnya adalah taman bunga raya berkeluasan tiga ekar dan sebahagian besarnya adalah taman bunga raya.

Idea daripada pemimpin kawasan tersebut dan dengan janaan idea oleh FRIM yang mencadangkan reka bentuk, susun atur dan jenis-jenis pokok atau tanaman yang sesuai merealisasikan berkenaan.

Ideanya adalah untuk menukuhkan satu taman yang mirip Dubai Miracle Garden.

FRIM menyediakan kertas cadangan yang dikemukakan kepada Timbalan Menteri pada 27 Jun 2016 dan perbincangan kemudian diadakan.

Kawasan seluas 900 meter persegi di dalam Laman Bunga Raya telah dipilih sebagai tapak Taman Mini Ajaib Ledang.

Cadangan FRIM termasuklah menaik taraf landskap yang

<b>Headline</b>	<b>Taman ajaib `Gunung Ledang` tarikan Tangkak</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Utusan Malaysia</b>		
<b>Date</b>	<b>20 Sep 2018</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>Mega</b>	<b>Circulation</b>	<b>112,050</b>
<b>Page No</b>	<b>30,31</b>	<b>Readership</b>	<b>336,150</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>1048 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>LAUPA JUNUS</b>		
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 20,713</b>
		<b>PR Value</b>	<b>RM 62,139</b>

sedia ada di Laman Ledang dengan elemen-elemen tarikan landskap yang baharu terdiri daripada komponen landskap kejur yang dihiasi dengan landskap lembut iaitu bunga-bungaan berwarna warni dan tanaman pokok renik yang menarik serta pokok-pokok topiar.

FRIM juga menyediakan pelan landskap terperinci untuk menaik taraf landskap dengan elemen-elemen tarikan landskap yang baharu terdiri daripada arca-arca dan gerbang-gerbang bunga-bungaan, di samping tanaman-tanaman renik yang menarik.

Kerja-kerja menaik taraf taman berkenaan memberikan wajah baharu di kawasan laman sedia ada dan memberi kelainan rupa landskap taman di bandar Tangkak.

Usaha tersebut bertujuan menawarkan tarikan kawasan pelancongan baharu kepada Bandar Tangkak, meningkatkan jumlah pengunjung dan pengguna, serta mewujudkan persekitaran yang lebih sihat dan selesa.

Peningkatan kehadiran

pengunjung dan pelancong boleh menjadi pemangkin kepada kerancakan kegiatan ekonomi tempatan.

Pembangunan taman tersebut dipantau bersama oleh FRIM dan Majlis Daerah Tangkak dan sekarang, ia merupakan taman bawah jagaan majlis daerah tersebut.

Menurut Pegawai Perancang Bandar dan Desa Majlis Daerah Tangkak, **Zulkifli Sabree**, meskipun hanya kawasan berkeluasan 900 meter persegi, tetapi taman berkenaan boleh dianggap ajaib disebabkan konsepnya berdasarkan legenda yang ada di Ledang berkenaan yang tertakluk kepada syarat peminangan.

“Saya nasihatkan masyarakat sekitar atau pengunjung supaya menghargai taman ini dan jangan petik bunga sesuka hari,” ujarnya yang akan menambah baik dengan adanya pencahayaan dan menambah koleksi produk *hardscape* dan *softscape* yang dibuat secara berperingkat-peringkat.

Menurut Penolong Arkitek Landskap, **Hanafi Lazim**,

<b>Headline</b>	<b>Taman ajaib `Gunung Ledang` tarikan Tangkak</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Utusan Malaysia</b>		
<b>Date</b>	<b>20 Sep 2018</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>Mega</b>	<b>Circulation</b>	<b>112,050</b>
<b>Page No</b>	<b>30,31</b>	<b>Readership</b>	<b>336,150</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>1048 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>LAUPA JUNUS</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 20,713</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 62,139</b>



<b>Headline</b>	<b>Taman ajaib `Gunung Ledang` tarikan Tangkak</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Utusan Malaysia</b>		
<b>Date</b>	<b>20 Sep 2018</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>Mega</b>	<b>Circulation</b>	<b>112,050</b>
<b>Page No</b>	<b>30,31</b>	<b>Readership</b>	<b>336,150</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>1048 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>LAUPA JUNUS</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 20,713</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 62,139</b>



pihak juga mengambil kira pembangunan struktur yang menepati kehendak semasa supaya tidak kelihatan ketinggalan zaman.

Sebagai contoh, pihaknya menggunakan struktur daripada bahan lain selain daripada kayu semata-mata bagi memberi kesegaran dan mengikut perubahan semasa manakala bunga yang dipilih adalah jenis renek yang tidak terlalu besar.

### SPESIES DITANAM

- Pokok renek berbunga
- *Portulaca grandiflora* (Ros jepun)
- Petunia hybrid (bunga Petunia) - gantungan *Ruellia simplex* (*Ruellia*)
- *Asystasia gangetica* (*Asystasia*)
- *Galphimia glauca* (*Rain of gold*)
- *Bougainvillea spp* (Bunga kertas) - gantungan dan gerbang
- *Turnera subulata* (*Turnera/Lidah kucing*)
- *Zephyranthes rosea* (*Rain lily*)
- *Iris domestica* (*Leopard flower/ Blackberry lily*)
- *Angelonia biflora* (Bunga sate)
- Palma dan pokok hiasan
- *Raphis excelsa*
- *Pisonia alba*
- Pokok topiar dan pagaran
- *Loropetalum chinense*
- *Podocarpus macrophyllus*
- *Acalypha siamensis*
- *Euodiaridleyi* (*Euodia*)
- *Duranta Dwarf yellow*

<b>Headline</b>	Taman ajaib `Gunung Ledang` tarikan Tangkak		
<b>MediaTitle</b>	Utusan Malaysia		
<b>Date</b>	20 Sep 2018	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	Mega	<b>Circulation</b>	112,050
<b>Page No</b>	30,31	<b>Readership</b>	336,150
<b>Language</b>	Malay	<b>ArticleSize</b>	1048 cm <sup>2</sup>
<b>Journalist</b>	LAUPA JUNUS	<b>AdValue</b>	RM 20,713
<b>Frequency</b>	Daily	<b>PR Value</b>	RM 62,139

